

Keamanan dunia perlu dikongsi bersama: PM

SH 1 AUG 2002

LANGKAWI, Rabu - Keamanan dan keselamatan yang dicari-cari dunia selepas digemparkan dengan kejadian 11 September, mesti berlandaskan kepada masa depan yang lebih saksama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, masa depan itu juga perlu memberi harapan kepada semua pihak untuk mendapat bahagian masing-masing dalam masyarakat dunia.

"Kita sekarang bertemu selepas dikejutkan dengan peristiwa 11 September (serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat), dengan masyarakat sejagat masing-masing mencari haluan baru dalam usaha menuju ke arah keamanan, keselamatan dan kemakmuran bersama.

"Keamanan dan keselamatan mesti dilandaskan kepada masa depan dikongsi bersama yang menjanjikan bahagian untuk semua dalam komuniti dunia yang lebih besar," katanya dalam oerutusan buku aturcara Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) yang diedarkan kepada wartawan di sini, hari ini.

Dr Mahathir bkrkata, dialog itu diteruskan untuk memperkukuhkan kemajuan yang dicapai di peringkat negara, rantau dan antarabangsa, tetapi kali ini dengan dimensi tambahan berikutan tragedi 11 September.

Katanya, semua dialog perkongsian pintar sebelum ini banyak menyentuh



Laporan Khaidir Abdul Majid, Wan Jailani Razak, Wan Hazmir Bakar dan Badrila Jamlus

mengenai langkah untuk mewujudkan perkongsian ke arah kemakmuran dan pembangunan bersama.

Sebagai masyarakat global, katanya, mereka sekarang dicabar oleh jurang perbezaan di antara mentaliti dan kefahaman manusia.

"Berikutan itu adalah menjadi lebih penting sekarang bagi konsep perkongsian pintar untuk melangkaui bidang perniagaan dan pendapatan komersial dan mencari cara baru untuk bekerjasama di kalangan masyarakat negara.

"Asas perkongsian pintar yang sudah berkembang membantu kita untuk menangani perkembangan utama yang berterusan dalam perubahan corak perdagangan dan persaingan, inovasi teknologi dan maklumat globalisasi.

"Pendidikan dan capaian maklumat yang membuka

jalan ke arah perkongsian dalam hasil yang dibawa oleh masyarakat bermaklumat global, masih jauh untuk dicapai," katanya.

Beliau berkata, keunikan dinamik ketulusan, interaksi bersemuka, kepercayaan dan perkongsian dalam dialog perkongsian pintar tentunya akan menggerakkan semua pihak ke arah kemakmuran global bersama.

Sementara itu, pengerusi bersama LID-Global 2002, dalam perutusan mereka dalam buku itu menjanjikan penyertaan lebih bermakna ahli perniagaan serta usahawan tekno muda dan profesional berdasarkan beberapa perubahan pada jadual program.

Perubahan kepada jadual program pada dialog tahun ini mencerminkan pertumbuhan dan dinamiknya gerakan rakan pintar itu.